

# Dr Mahathir puji prestasi kepemimpinan Samy Vellu

BH 20 MAY 2002

**Oleh Kadir Dikoh dan Magendran Rajagopal**

SHAH ALAM, Ahad – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memuji kepemimpinan MIC yang diterajui Datuk Seri S Samy Vellu kerana menunjukkan prestasi cemerlang dalam meneraju rakyat Malaysia keturunan India ke arah kemajuan dan kesejahteraan.

Malah katanya, pencapaian MIC amat membanggakan kerana berjaya melaksanakan pelbagai program untuk membangunkan masyarakat keturunan India seperti meningkatkan

tahap pendidikan, membasmi kemiskinan, menaikkan status sosial dan kedudukan ekonominya.

Beliau berkata masyarakat India di negara ini walaupun adalah minoriti, kini mempunyai fokus dalam memperjuangkan nasib mereka.

“Kejayaan parti MIC ini adalah juga kerana sikap dan kesederhanaan anggotanya yang mahu melihat kaum mereka tidak ketinggalan dalam arus pembangunan dan kemajuan negara.

“Parti MIC semakin kukuh dan stabil sehingga sebarang usaha atau rancangan untuk memajukan ma-

sarakat India di negara kita mendapat sokongan padu daripada semua anggotanya dan ini menghasilkan kejayaan besar kepada mereka,” katanya ketika merasmikan perhimpunan agung MIC ke-56 di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, taraf sosioekonomi rakyat Malaysia berketurunan India kini semakin meningkat berbanding masa lalu.

“Anak-anak mereka kini mendapat peluang pendidikan cukup baik sehingga ramai memasuki institusi pengajian tinggi dan sering mendapat kelulusan ce-

merlang,” katanya.

Beliau berkata, hal ehwal dan nasib masyarakat India di Malaysia amat terbela dan diambil perhatian serius oleh kerajaan Barisan Nasional (BN) dengan sokongan dan kerjasama MIC.

Bagaimanapun katanya, tidak mudah bagi MIC untuk mengubah sikap dan pemikiran masyarakat India untuk menerima perubahan dan kemajuan kerana ia memerlukan masa panjang.

“Yang kita lihat masih tertinggal ialah mereka yang mahu meneruskan hidup mereka seperti nenek moyang mereka iaitu bekerja dan tinggal di ladang-ladang yang jauh daripada

pandangan kaum lain dan jauh dari pusat bandar,” katanya.

Beliau berkata, dalam hal ini, nasib mereka tidak juga dilupakan oleh kerajaan kerana pelbagai usaha sudah dilakukan kerajaan untuk memperbaiki taraf sosioekonomi mereka.

“Kerajaan juga akan terus memastikan mereka tidak ditindas oleh majikan mereka,” katanya.

Selain itu katanya, salah satu sebab berjayanya MIC ialah kerana tidak adanya perebutan mendapatkan jawatan tinggi dalam parti itu di kalangan pemimpin dan anggotanya.

Beliau berkata, wujud to-

lak ansur di semua lapisan pemimpin dan anggota MIC dalam menentukan pucuk pimpinannya.

Sementara itu, Samy Vellu dalam ucapan penutup pada perhimpunan agung itu petang ini berkata, tanggungjawab memperjuangkan hak dan kebajikan masyarakat India perlu dilaksanakan oleh pucuk pimpinan MIC pada semua peringkat bagi memastikan mereka tidak terpinggir atau kehilangan daya saing di negara ini.

Katanya, masyarakat India berhadapan satu perjuangan penting, iaitu untuk terus kekal relevan da-

lam masyarakat majmuk di di negara ini.

Beliau juga gembira kerana MIC masih teguh dan bersatu walaupun sudah 56 tahun ditubuhkan dan menyifatkannya sebagai lambang pemimpin India tempatan sanggup bertolak ansur dan hidup aman dengan kaum lain sebagai anggota komponen BN.

“Justeru, penjelasan Perdana Menteri mengenai penggunaan sistem meritokrasi bagi pengam- bilan pelajar India ke insti-

tusi pengajian tinggi awam (IPTA) harus difahami masyarakat India dan perlu bertolak ansur bagi mencapai satu penyelesaian yang terbaik.

“Mungkin tahun ini, kita tidak dapat mengatasi kemerosotan kadar kemasukan pelajar India berikutan penggunaan meritokrasi tetapi tahun depan kita boleh mencuba lagi. Kita tidak boleh menang setiap kali, ada masanya tindakan lebih diplomatik perlu digunakan,” katanya